

| | | | |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline | Penghidap HIV lari daripada tahanan polis dipenjara sebulan | | |
| MediaTitle | Harian Ekspres (KK) | | |
| Date | 21 Dec 2016 | Color | Black/white |
| Section | Tempatan | Circulation | 25,055 |
| Page No | 4 | Readership | 75,165 |
| Language | Malay | ArticleSize | 101 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 208 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 624 |



Penghidap HIV lari daripada tahanan polis dipenjara sebulan

KUALA LUMPUR: Seorang penghidap HIV yang ditahan atas kesalahan dadah dihukum penjara sebulan oleh Mahkamah Majistret di sini pada Selasa selepas mengaku bersalah melarikan diri daripada tahanan polis.

Majistret Nur A'Minahtul Mardiah Md Nor menjatuhkan hukuman itu terhadap Tay Bee Boon, 48, kerana dengan sengaja melarikan diri daripada jagaan polis di Mahkamah Jalan Duta, di sini, kira-kira 5.40 petang, pada 5 Disember lepas.

Mahkamah juga memerintahkan hukuman penjara ke atas tertuduh bermula Selasa. Lelaki itu yang ditahan atas kesalahan 39A(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 didakwa mengikut Seksyen 224 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman

penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Menurut fakta kes, sebelum kejadian, pada pukul 1.45 tengah hari, 5 Disember lepas, tertuduh dihantar ke lokap utama Mahkamah Jalan Duta selepas kesnya disebut di Mahkamah Majistret di sini.

Bagaimanapun, selepas kesnya selesai, pada pukul 5.40 petang, tertuduh tiada di dalam lokap berkenaan dan dia kemudiannya ditahan pada 17 Disember lepas di Jalan Pudu di sini.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam ketika rayuan memberitahu dia menghidapi HIV dan memohon hukuman ringan manakala Timbalan Pendakwa Raya Siti Hajar Mohd Ashif memohon hukuman setimpal. – Bernama